

RM10,000 menanti kaki pancing sempena Pesta Konvokesyen UPM

KUALA LUMPUR 11 Okt. - Hadiah bernilai RM10,000 menanti kaki pancing yang bertuah dalam cabaran memancing pada Karnival Pancing sempena Pesta Konvokesyen Universiti Putra Malaysia (UPM) Ke-36 pada 14 Oktober ini.

Pertandingan anjuran Taman Pertanian Universiti (TPU) itu menawarkan hadiah wang tunai RM3000 untuk juara, kedua, RM1,000 dan ketiga, RM500 sementara pemenang keempat hingga kesepuluh menerima RM300 dan kesebelas hingga ke-20 menerima RM100.

Turut ditawarkan 30 hadiah cabutan bertuah serta 100 t-shirt untuk peserta yang mendaftar awal.

Pengarah Taman Pertanian Universiti (TPU), Prof. Dr. Abd Wahid Haron berkata, pertandingan memancing itu diadakan serentak dengan Pesta Konvokesyen ke-36 yang akan berlangsung di Bukit Ekspo pada 12 hingga 16 Oktober ini.

"Pertandingan ini akan dijadikan

Ekspo Pertanian & Pesta Konvokesyen UPM 2012
12 - 16 Okt 2012

UPM
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
BERILMU BERSAKTI

Utusan Mingguan
Malaysia

Mingguan
Malaysia

"Kelestarian Bekalan Makanan Menjamin Kesejahteraan Negara"

acara tahunan dan dijangka menarik penyertaan lebih 500 kaki pancing sekitar Selangor dan Kuala Lumpur. Melalui pertandingan ini juga kita berharap orang ramai akan memeriahkan lagi Pesta Konvokesyen yang turut berlangsung di sini.

"Selain itu, secara tidak langsung turut menjadi platform bagi mempromosikan UPM kepada orang ramai secara lebih dekat," katanya di sini hari ini.

Setiap penyertaan akan dikena-

kan bayaran RM40 untuk satu joran dengan dua mata kail dan pertandingan akan bermula pukul 8.00 pagi hingga 1.00 tengah hari.

Pendaftaran pertandingan boleh dibuat di khemah urus setia Kolam Bukit Ekspo, UPM, pada 13 Oktober (Sabtu) bermula jam 10.00.

Orang ramai yang mempunyai sebarang pertanyaan boleh menghubungi 019-3432588, 013-6243366, 017-2323092 dan 019-5066571.



IKAN sebesar ini bakal dipertandingkan di Karnival Pancing sempena Pesta Konvokesyen Universiti Putra Malaysia.



SALAH sebuah kolam yang akan menjadi lokasi Karnival memancing di Universiti Putra Malaysia.

Pameran orkid gamit pengunjung

KUALA LUMPUR 11 Okt. - Peminat orkid sekali lagi berpeluang menikmati keindahan serta mendapatkan bunga berkenaan di pameran dan jualan orkid di Astaka Orkid, Bukit Ekspo, Universiti Putra Malaysia (UPM) mulai esok.

Pameran dan jualan bunga berkenaan diadakan bersempena Ekspo Pertanian dan Pesta Konvolesyen UPM Ke-36.

UPM dalam kenyataan di sini hari ini berkata, pameran dan jualan itu akan berlangsung sehingga 16 Oktober ini dari pukul 10 pagi hingga 10 malam dan masuk adalah percuma.

Menurut kenyataan itu, beberapa aktiviti turut diadakan sempena pameran itu seperti pertandingan pokok orkid, gubah bunga orkid, pameran penyelidikan orkid dan hiasan orkid.

Pengunjung juga boleh mengenali jenis-jenis orkid yang terdapat di Malaysia," jelas kenyataan itu.

Dengan reka bentuk dan susun atur hiasan yang menarik di Astaka Orkid, para pengunjung, graduan serta keluarga masing-masing boleh merakamkan gambar kenangan sempena hari bersejarah mereka menerima segulung ijazah.

Menurut kenyataan itu, para pengunjung juga boleh berehat di astaka berkenaan yang menyediakan bangku dan meja berkonsepkan suasana istirehat dalam taman.

Untuk pertanyaan dan keterangan lanjut, orang ramai boleh melayari www.tpu.upm.edu.my/eksopo2012.